

Eonmetall cipta teknologi perah minyak sawit

EONMETALL Group Bhd, pengeluar produk keluli dan jentera, menghasilkan teknologi memerah minyak sawit daripada tandan kosong buah sawit (EFB) yang mampu meningkatkan kadar perahan minyak (OER) negara sehingga 0.6 peratus dengan anggaran nilai pasaran lebih RMI bilion setahun.

Pengarah Urusan Eonmetall, Datuk Goh Cheng Huat, berkata teknologi berkenaan dihasilkan anak syarikat milik penuh Eonmetall - Eonchem Technology Sdn Bhd.

Beliau berkata, kaedah perahan di kilang berkenaan menggunakan pelarut industri makanan iaitu 'hexane' untuk mengekstrak antara lima hingga enam peratus lebih minyak sawit daripada EFB yang diproses terlebih dulu menjadi serat sawit mampat sebelum diperah.

Ketika ini, serat sawit mampat digunakan sebagai bahan api untuk menghasilkan wap bagi bagi operasi kilang.

"Kajian menunjukkan minyak perahan serat mampat mengandungi karotenoid dan vitamin E yang lebih tinggi dan mampu memberi nilai tambah dalam penghasilan produk makanan untuk pengguna dan ternakan," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan manual operasi kilang Mengekstrak Minyak Serat Termampat (PFOE) kepada Kim Loong Re-

sources Bhd, syarikat perladangan sawit, yang juga pelanggan pertama Eonmetall yang telah membina kilang menggunakan teknologi berkenaan di Kota Tinggi, Johor.

Pada majlis itu, Kim Loong diwakili Pengarah Urusan, Gooi Seong Heen. Turut hadir, Pengerusi Eonmetall, Tan Sri Mohd Desa Pachi.

Goh berkata, Eonmetall menjadi syarikat pertama dunia untuk memperkenalkan teknologi ini dalam industri minyak sawit.

Katanya, syarikat telah mengemukakan permohonan untuk mendaftarkan paten bagi membina kilang yang menggunakan teknologi PFOE berkenaan menerusi beberapa agensi pendaftaran di dalam dan luar negara.

“Penggunaan teknologi mengekstrak menggunakan pelarut bagi mengeluarkan lebih minyak dalam serat sawit kejayaan besar kami”

Goh Cheng Huat,
Pengarah Urusan Eonmetall